



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**  
**MAJLIS PENUTUP**  
***MOFE LEADERSHIP EXECUTIVE PROGRAM (MOFE-LEP)***  
**DENGAN KERJASAMA TEMASEK FOUNDATION (TF) DAN**  
**CIVIL SERVICE COLLEGE (CSC), SINGAPURA**

**Bandar Seri Begawan, 23 Mei 2023**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah mengadakan Majlis Penutup MOFE Leadership Executive Program (MOFE-LEP) dengan kerjasama Temasek Foundation (TF) dan Civil Service College (CSC), Singapura pada hari Selasa, 3 Zulkaedah 1444 bersamaan 23 Mei 2023 bertempat di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis penutup ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Singapura, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi berserta *key stakeholders*.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beserta Doa Selamat dan disusuli dengan penyampaian lima (5) kertas projek daripada peserta-peserta program MOFE-LEP yang mengetengahkan topik pembentangan meliputi sektor kesihatan, pengangkutan awam, pelancongan, transformasi digital dan peralihan ekonomi hijau yang mampan.



MOFE-LEP telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022. Diantara perisian sepanjang program berkenaan dilaksanakan adalah sesi lawatan sambil belajar ke Singapura dan sesi bengkel (*workshop*) mengenai perancangan strategik berkaitan dengan Sektor Awam yang disampaikan oleh tenaga pengajar/fasilitator daripada pihak CSC dan TF.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh: 03 Zulkaedah 1444  
23 Mei 2023